

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.3 (8)

25 Mei 2015
7 Syaaban 1436

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 13/2015

PERATURAN LATIHAN PASCA KEDOKTORAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk menjelaskan mengenai Peraturan Latihan Pasca Kedoktoran untuk staf akademik di Universiti Teknologi Malaysia yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 8/2015 bertarikh 16 April 2015.

2. Peraturan ini adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada staf dalam memohon dan mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran. Latihan Pasca Kedoktoran merupakan latihan pembangunan yang diluluskan kepada staf yang berkelayakan untuk menjalankan penyelidikan secara sepenuh masa bagi menambahkan pengalaman dan pengetahuan yang terbaharu dalam bidang kepakaran, menghasilkan penerbitan bahan ilmiah dan membina jaringan penyelidikan. Ia adalah satu keistimewaan yang boleh diberikan kepada calon yang memenuhi syarat.

3. Objektif Latihan Pasca Kedoktoran adalah seperti yang berikut:

- i. Meningkatkan kompetensi diri staf dalam menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan akademik;
- ii. menambah kepakaran dan pengalaman penyelidikan dan/atau pengurusan penyelidikan;
- iii. memperluaskan jaringan penyelidikan;
- iv. menggalakkan mobiliti staf bagi tujuan penjenamaan bersama dan pengantarabangsaan Universiti.

4. Panduan, syarat dan tatacara permohonan boleh dirujuk seperti di **Lampiran A: Latihan Pasca Kedoktoran**. Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai dari tarikh **16 April 2015**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN
Pendaftar

- s.k. - YBhg. Datuk Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
 - Bendahari
 - Pengarah Kerja, Pejabat Harta Bina
 - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah

**PERATURAN SKIM LATIHAN PASCA KEDOKTORAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**Peraturan ini adalah digunapakai bagi Latihan Pasca Kedoktoran
kecuali dinyatakan had penggunaannya.**

**Peraturan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan yang berkuat kuasa
di Universiti dari semasa ke semasa.**

KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1.0	Pengenalan	3
2.0	Definisi	3
3.0	Tafsiran	3
4.0	Objektif	3
5.0	Syarat dan Kelayakan untuk Mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran	4
6.0	Jenis Aktiviti/Program yang dibenarkan semasa Latihan Pasca Kedoktoran	6
7.0	Tempat Latihan Pasca Kedoktoran	6
8.0	Tempoh Latihan Pasca Kedoktoran	7
9.0	Emolumen dan Kemudahan yang layak diterima oleh Staf menjalani Latihan Pasca Kedoktoran	8
10.0	Perancangan Latihan Pasca Kedoktoran	10
11.0	Prosedur dan Kaedah Memohon Latihan Pasca Kedoktoran	13
12.0	Kelulusan, Pemendekan Tempoh, Pembatalan dan Penangguhan Latihan Pasca Kedoktoran	14
13.0	Peraturan yang perlu diikuti oleh Staf yang mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran	14
14.0	Perjanjian dan Ikatan Perkhidmatan	18
15.0	Pemantauan Latihan Pasca Kedoktoran	18
16.0	Penamatan Latihan Pasca Kedoktoran	18
17.0	Tindakan ke atas Staf yang gagal mematuhi peraturan dan mencapai KPI	19
18.0	Peruntukan Khas	19

PERATURAN SKIM LATIHAN PASCA KEDOKTORAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

1. Pengenalan

Peraturan Skim Latihan Pasca Kedoktoran diperkenalkan untuk memberi panduan kepada staf dalam memohon dan mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran dalam bidang kepakaran serta memperluaskan jaringan kerja.

2. Definisi

Latihan Pasca Kedoktoran merupakan latihan pembangunan yang diluluskan kepada staf yang berkelayakan untuk menjalankan penyelidikan secara sepenuh masa bagi menambahkan pengalaman dan pengetahuan yang terbaharu dalam bidang kepakaran, menghasilkan penerbitan bahan ilmiah dan membina jaringan penyelidikan. Ianya adalah satu keistimewaan yang boleh diberikan kepada calon yang memenuhi syarat.

3. Tafsiran

- i. **Universiti** ertinya Universiti Teknologi Malaysia.
- ii. **Staf** ertinya staf akademik yang telah memenuhi syarat-syarat peraturan Latihan Pasca Kedoktoran.
- iii. **KPM** ertinya Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Objektif Latihan Pasca Kedoktoran

Objektif Latihan Pasca Kedoktoran ialah seperti berikut:

- i. Meningkatkan kompetensi diri staf dalam menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan akademik;
- ii. Menambah kepakaran dan pengalaman penyelidikan dan/atau pengurusan penyelidikan;
- iii. Memperluaskan jaringan penyelidikan;
- iv. Menggalakkan mobiliti staf bagi tujuan penjenamaan bersama dan pengantarabangsaan Universiti.

5. Syarat dan Kelayakan Untuk Mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran

5.1 Staf yang Layak

Staf yang layak mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran adalah merupakan staf akademik Gred DS45 ke atas.

5.2 Syarat Umum

- i. Warganegara Malaysia.
- ii. Staf mesti mempunyai baki perkhidmatan sebelum umur persaraan wajib ketika Pasca Kedoktoran tamat seperti berikut:
 - a. Jika tempoh program adalah dua belas (12) bulan atau kurang, staf mesti mempunyai baki sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) bulan perkhidmatan sebelum umur persaraan wajib ketika Pasca Kedoktoran tamat.
 - b. Jika tempoh program melebihi dua belas (12) bulan tetapi kurang dari dua puluh empat (24) bulan, staf mesti mempunyai baki sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) bulan perkhidmatan sebelum umur persaraan wajib ketika Pasca Kedoktoran tamat.
- iii. Bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib.
- iv. Mendapat sokongan Dekan Fakulti/Dekan *Research Alliance*/Pengarah Pusat Kecemerlangan.
- v. Aktiviti atau program yang akan diikuti dipersetujui oleh Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan.
- vi. Disahkan mempunyai kesihatan yang baik oleh Pegawai Perubatan Universiti. Staf perlu menjalani pemeriksaan kesihatan yang lengkap seperti ditetapkan oleh Universiti sekiranya Latihan Pasca Kedoktoran melibatkan aktiviti/ program di luar negara.
- vii. Staf yang sedang mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran adalah tidak boleh dilantik sebagai penyelia utama pelajar pasca siswazah kecuali pelajar sedia ada di bawah penyeliaannya.

- viii. Staf yang sedang mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran adalah tidak boleh mengetuai sebarang projek penyelidikan kecuali staf yang menjalani latihan Pasca Kedoktoran dalam Universiti.
- ix. Keutamaan membuat Latihan Pasca Kedoktoran akan diberi kepada bidang-bidang kritikal yang diputuskan oleh Fakulti/Universiti.

5.2.1 Syarat Khas Penajaan KPM

- i. Staf yang telah disahkan jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun selepas dianugerahkan PhD.
- ii. Staf yang memohon untuk Latihan Pasca Kedoktoran di luar Negara perlu hadir dan lulus Program Latihan Transformasi Pegawai ke Luar Negara (BTN) yang tertakluk kepada tempoh sah laku selama dua (2) tahun.

5.2.2 Syarat Khas Lain-lain Penajaan

- i. Staf boleh dipertimbangkan menjalani Latihan Pasca Kedoktoran sebaik sahaja menamatkan pengajian PhD dalam tempoh lazim yang diluluskan dengan syarat mendapat penajaan dan tertakluk kepada syarat penajaan.
- ii. Staf yang memohon untuk Latihan Pasca Kedoktoran di luar Negara telah/perlu hadir dan lulus Program Latihan Transformasi Pegawai ke Luar Negara (BTN).

5.3 Syarat berkaitan Penyelia

- i. Calon perlu mendapat persetujuan rasmi dari penyelia yang akan menyelia calon sepanjang tempoh Latihan Pasca Kedoktoran.
- ii. Penyelia mestilah diperakui kepakarannya di dalam bidang berkaitan oleh Universiti.
- iii. Penyelia bertanggung jawab untuk memantau staf yang menjalani Latihan Pasca Kedoktoran dan menghantar laporan pemantauan mengikut keperluan Universiti.

- iv. Penyelia mesti mempunyai dana atau sumber kewangan untuk membiayai penyelidikan yang dijalankan.

6. Jenis Aktiviti/Program yang Dibenarkan Semasa Latihan Pasca Kedoktoran

6.1 Jenis aktiviti/program yang diluluskan oleh Universiti untuk dilakukan oleh staf menjalani Latihan Pasca Kedoktoran adalah terdiri dari aktiviti/program berikut:

Menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan akademik berasaskan penyelidikan dalam bidang yang diluluskan oleh Universiti seperti artikel jurnal, bab dalam buku, buku penyelidikan dan prosiding.

6.2 Aktiviti dalam perkara 6.1 boleh digabungkan dengan aktiviti di bawah:

- i. Mengikuti kursus dan/atau program jangka pendek yang berkaitan dengan Latihan Pasca Kedoktoran pembangunan staf yang diluluskan oleh Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan.
- ii. Melaksanakan aktiviti yang membantu mempertingkatkan jaringan kerja serta penjenamaan bersama dan pengantarabangsaan Universiti.

7. Tempat Latihan Pasca Kedoktoran

7.1 Penajaan KPM

Staf boleh menjalani Latihan Pasca Kedoktoran di salah satu atau gabungan tempat berikut tertakluk kepada kelulusan Universiti:

7.1.1 Dalam Negara:

- i. UTM;
- ii. Mana-mana Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau industri peneraju sesuatu bidang yang mempunyai struktur atau unit penyelidikan dan pembangunan atau Pusat penyelidikan dalam negara yang bersesuaian dengan penyelidikan yang dilaksanakan dan diperakukan oleh Universiti;

7.1.2 Luar Negara:

Calon perlu mengikut Latihan Pasca Kedoktoran di institusi yang memenuhi syarat berikut:

- i. Penarafan (*ranking*) universiti ternama di dunia, khususnya 200 universiti terkemuka dunia mengikut THE atau senarai 100 ternama dunia penarafan QS (mengikut bidang)

atau

- ii. Pusat penyelidikan yang diperakui kepakarannya di dalam bidang berkaitan oleh Universiti.

7.2 Lain-lain Penajaan

Staf boleh menjalani Latihan Pasca Kedoktoran di salah satu atau gabungan tempat berikut tertakluk kepada kelulusan Universiti:

7.2.1 Dalam Negara:

- i. UTM;
- ii. Mana-mana Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau industri peneraju sesuatu bidang yang mempunyai struktur atau unit penyelidikan dan pembangunan atau Pusat penyelidikan dalam negara yang bersesuaian dengan penyelidikan yang dilaksanakan dan diperakukan oleh Universiti;

7.2.1 Luar Negara:

Calon perlu mengikut Latihan Pasca Kedoktoran di institusi yang diiktiraf atau Pusat penyelidikan yang diperakui kepakarannya di dalam bidang berkaitan oleh Universiti.

8. Tempoh Latihan Pasca Kedoktoran

- 8.1 Tempoh Latihan Pasca Kedoktoran adalah tidak melebihi dua (2) tahun dan tertakluk kepada tempoh minimum selama satu (1) tahun. Tiada tempoh lanjutan dibenarkan kecuali staf yang mendapat penajaan luar selain dari Kementerian Pendidikan Malaysia dan tertakluk kepada kelulusan Universiti.

- 8.2 Tiada pecahan tempoh tertentu untuk staf mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran di dalam dan di luar negara (sekiranya berkenaan). Bagi manapun, Universiti boleh menentukan pecahan tempoh berkenaan mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan Universiti.
- 8.3 Latihan Pasca Kedoktoran mesti dilakukan dalam suatu tempoh secara berterusan seperti yang ditetapkan oleh Universiti.

9. Emolumen, Elaun dan Kemudahan Yang Layak Diterima oleh Staf Menjalani Latihan Pasca Kedoktoran

9.1 Emolumen

- 9.1.1 Staf yang telah diluluskan Latihan Pasca Kedoktoran akan dibayar emolumen yang layak baginya mengikut jawatan hakikinya dalam tempoh Latihan Pasca Kedoktoran tersebut.
- 9.1.2 Kelayakan elaun kritikal adalah tertakluk kepada surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 perkara 10 dibaca bersama Garis Panduan Kemudahan Cuti Belajar Kepada Pegawai Awam Yang Mengikuti Kursus Jangka Sederhana Dan Kursus Jangka Panjang Secara Sepenuh Masa, perkara 2.

9.2 Elaun dan Kemudahan

9.2.1 Penajaan KPM

9.2.1.1 Dalam Negara:

Staf yang diluluskan Latihan Pasca Kedoktoran di bawah skim KPM di dalam negara akan diberi:

- i. elaun sara hidup mengikut kadar elaun Cuti Belajar.
- ii. elaun buku mengikut kadar elaun Cuti Belajar (sekali setahun);
- iii. elaun perkakas mengikut kadar elaun Cuti Belajar (sekali setahun);
- iv. bayaran *bench fee* (jika berkenaan);
- v. Kos rawatan dan perubatan mengikut Skim Perkhidmatan Perubatan Universiti.
- vi. Bayaran lain yang berkaitan dengan Latihan Pasca Kedoktoran tertakluk kepada kelulusan Panel Pembangunan Profesional.

9.2.1.2 Luar Negara:

Staf yang diluluskan Latihan Pasca Kedoktoran di bawah skim KPM di luar negara akan diberi:

- i. Sekali perjalanan tambang pergi dan balik sepanjang Latihan Pasca Kedoktoran.
- ii. elaun sara hidup mengikut kadar elaun Cuti Belajar.
- iii. elaun buku mengikut kadar elaun Cuti Belajar (sekali setahun);
- iv. elaun perkakas mengikut kadar elaun Cuti Belajar (sekali setahun);
- v. elaun penempatan sekali sepanjang kursus mengikut kadar cuti belajar;
- vi. elaun Pakaian Panas mengikut syarat perkhidmatan;
- vii. bayaran *bench fee* (jika berkenaan);
- viii. kos rawatan dan perubatan mengikut Skim Perkhidmatan Perubatan Universiti dan Polisi Cuti Belajar sedia ada. Sekiranya negara berkenaan terdapat skim insuran kesihatan, kos premium insuran yang boleh dibayar oleh Universiti adalah tidak melebihi USD\$500.00 setahun;
- ix. staf dibenarkan membawa keluarga dan elaun bantuan keluarga akan dibayar mengikut kadar dan syarat Cuti Belajar tertakluk kepada tempoh keluarga berada di luar negara selama 6 bulan dan ke atas;
- x. tambang perjalanan pergi dan balik bagi keluarga yang tempoh keluarga berada di luar negara selama 6 bulan dan ke atas akan dibayar sekali sepanjang Latihan Pasca Kedoktoran mengikut kadar dan syarat cuti belajar;
- xi. bayaran lain yang berkaitan dengan Latihan Pasca Kedoktoran tertakluk kepada kelulusan Panel Pembangunan Profesional.

9.2.2 Lain-lain Penajaan

9.2.2.1 Dalam Negara:

- i. Staf yang mendapat penajaan luar adalah tertakluk kepada kemudahan yang disediakan oleh pihak penaja.
- ii. Kos rawatan dan perubatan mengikut Skim Perkhidmatan Perubatan Universiti dan Polisi Cuti Belajar sedia ada.

9.2.2.2 Luar Negara:

- i. Staf yang mendapat penajaan luar adalah tertakluk kepada kemudahan yang disediakan oleh pihak penaja.
- ii. Kos rawatan dan perubatan staf mengikut Skim Perkhidmatan Perubatan Universiti dan Polisi Cuti Belajar sedia ada. Sekiranya negara berkenaan terdapat skim insuran kesihatan, kos premium insuran yang boleh dibayar oleh Universiti adalah tidak melebihi USD\$500.00 setahun;
- iii. Staf dibenarkan membawa keluarga dan elaun bantuan keluarga akan dibayar mengikut kadar dan syarat Cuti Belajar tertakluk kepada tempoh keluarga berada di luar negara selama 6 bulan dan ke atas;
- iv. Tambang perjalanan pergi dan balik bagi keluarga yang tempoh keluarga berada di luar negara selama 6 bulan dan ke atas akan dibayar sekali sepanjang Latihan Pasca Kedoktoran mengikut kadar dan syarat cuti belajar;
- v. Bayaran lain yang berkaitan dengan Latihan Pasca Kedoktoran tertakluk kepada kelulusan Panel Pembangunan Profesional.

9.2.3 Staf yang sedang menjalani Latihan Pasca Kedoktoran adalah dibenarkan menerima elaun yang dibayar oleh tempat di mana staf menjalani Latihan Pasca Kedoktoran. Dalam hal ini, staf hendaklah melaporkan kepada Universiti mengenai butiran terperinci elaun yang diterima.

9.2.4 Adalah menjadi tanggungjawab staf untuk mengisytiharkan pendapatan bercukai kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

10. Perancangan Latihan Pasca Kedoktoran

10.1 Perancangan Peringkat Universiti

- i. Universiti perlu membuat perancangan yang rapi dan tersusun bagi menghasilkan Latihan Pasca Kedoktoran yang berkesan.
- ii. Pihak UTMLead perlu sentiasa mengemaskini dan menyebarkan maklumat dan peluang berkaitan Latihan Pasca Kedoktoran kepada staf melalui laman web, edaran bertulis dan media yang sesuai khususnya maklumat berkaitan:
 - a. Peluang, tawaran dan tajaan untuk staf menjalani Latihan Pasca Kedoktoran di dalam dan luar negara.

- b. Dokumen permohonan Latihan Pasca Kedoktoran untuk rujukan dan kegunaan staf yang ingin memohon Latihan Pasca Kedoktoran.
 - c. Polisi dan peraturan berkaitan Latihan Pasca Kedoktoran yang sentiasa dikemaskini.
- iii. Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan hendaklah membuat perancangan tahunan Latihan Pasca Kedoktoran bagi staf yang akan mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran. Pihak UTMLead hendaklah membuat penyelarasan dan ketetapan berkaitan perancangan ini di peringkat Universiti.

10.2 Perancangan Peringkat Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan

- i. Fakulti/ *Research Alliance*/ Pusat Kecemerlangan hendaklah merancang, mengemaskini dan membenteng dalam Mesyuarat Pengurusan/Panel secara berkala mengenai bidang kepakaran dan penyelidikan yang perlu dicapai melalui program Latihan Pasca Kedoktoran di peringkat Fakulti/ *Research Alliance*/ Pusat Kecemerlangan.
- ii. Fakulti/*Research Alliance*/ Pusat Kecemerlangan hendaklah mengenal pasti, memaklumkan dan menggalakkan staf yang layak untuk mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran.
- iii. Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan hendaklah membuat perancangan mengikut jadual dan mengambil semua langkah untuk memastikan perancangan Latihan Pasca Kedoktoran dapat dicapai.
- iv. Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan hendaklah berusaha membantu staf mengenal pasti dan memilih institusi penyelidikan atau universiti yang sesuai untuk menjalani Latihan Pasca Kedoktoran.

10.3 Perancangan Peringkat Individu

- i. Staf mesti merancang dan menetapkan *Key Performance Indicator* (KPI) berdasarkan KPI Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan
- ii. KPI yang ditetapkan mesti diperakukan oleh Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan sebelum memohon kelulusan Universiti untuk menjalani Latihan Pasca Kedoktoran.

- iii. Staf yang diluluskan Latihan Pasca Kedoktoran hendaklah mematuhi dan memenuhi KPI dan perancangan awal yang diluluskan.
- iv. Staf perlu mengenal pasti tempat dan penyelia yang sesuai.
- v. Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan dan staf perlu menggunakan panduan dalam Jadual 1 dan Lampiran 1 dalam menetapkan KPI yang perlu dicapai sepanjang Latihan Pasca Kedoktoran dengan nilai sasaran (*target value*) yang disesuaikan mengikut Fakulti/ *Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan.

JADUAL 1: Garis panduan KPI yang perlu dicapai sepanjang Latihan Pasca Kedoktoran dengan nilai sasaran yang disesuaikan mengikut Fakulti/ *Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan

Aktiviti/Program Semasa Latihan Pasca Kedoktoran	KPI yang Sesuai
Menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan akademik.	<ul style="list-style-type: none"> ○ Bilangan penerbitan dalam jurnal berindeks ○ Bilangan penerbitan dalam jurnal tanpa indeks / persidangan ○ Bilangan penerbitan buku penyelidikan / bab dalam buku. ○ Bilangan harta intelek yang dihasilkan
<p>Menambah kepakaran dan pengalaman akademik dan/atau pengurusan penyelidikan</p> <p>Melaksanakan aktiviti mempertingkatkan jaringan kerja, penjenamaan bersama dan pengantarabangsaan Universiti</p>	<ul style="list-style-type: none"> ○ Bilangan aktiviti yang dijalankan bagi mempertingkatkan jaringan kerja, penjenamaan bersama dan pengantarabangsaan Universiti.

11. Prosedur dan Kaedah Memohon Latihan Pasca Kedoktoran

- 11.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Latihan Pasca Kedoktoran yang disediakan oleh Universiti dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Borang permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:
- i. Surat sokongan Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan
 - ii. Surat tawaran dari tempat latihan/surat persetujuan rasmi dari penyelia;
 - iii. Cadangan penyelidikan, penulisan dan perincian mengenai aktiviti/program yang akan dilakukan di sepanjang Latihan Pasca Kedoktoran yang diperakukan oleh Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan.
- 11.2 Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada pihak UTMLead melalui Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan selewat-lewatnya tiga bulan sebelum Latihan Pasca Kedoktoran dijalankan. Permohonan yang tidak lengkap atau/dan lewat dikemukakan boleh menyebabkan kelulusan lewat diperoleh oleh staf.
- 11.3 Staf yang telah diluluskan oleh Universiti untuk menjalani Latihan Pasca Kedoktoran perlu membuat persediaan dan tindakan berikut:
- i. Mengisi dan menandatangani Surat Setuju Terima Tawaran menurut syarat-syarat Latihan Pasca Kedoktoran dan mengembalikan semula kepada pihak UTMLead dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan;
 - ii. Menyempurnakan Borang Nota Serahan Tugas kepada Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan dan juga memulangkan segala harta benda Universiti yang ada dalam simpanan (kecuali kad pengenalan staf dan tandanama). Borang tersebut perlu dikembalikan kepada pihak UTMLead;
 - iii. Memaklumkan kepada pihak Bendahari kaedah pembayaran gaji di sepanjang tempoh Latihan Pasca Kedoktoran.

12. Kelulusan, Pemendekan Tempoh, Pembatalan dan Penangguhan Latihan Pasca Kedoktoran

- 12.1 Kelulusan permohonan Latihan Pasca Kedoktoran diberikan oleh Universiti tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam Perkara 5 dan juga kedudukan kewangan Universiti.
- 12.2 Universiti berhak sepenuhnya untuk memendekkan atau menamatkan Latihan Pasca Kedoktoran yang diluluskan kepada staf.
- 12.3 Seseorang staf boleh menangguhkan Latihan Pasca Kedoktoran yang telah diluluskan tertakluk kepada kelulusan Universiti.

13. Peraturan Yang Perlu Diikuti Oleh Staf Yang Mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran

Staf yang mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran hendaklah mematuhi peraturan-peraturan berikut:

i. Pertukaran Bidang/Tempat

Pertukaran bidang dan tempat semasa Latihan Pasca Kedoktoran perlu mendapat persetujuan *Fakulti/Research Alliance/Pusat Kecemerlangan* dan kelulusan Panel Pembangunan Profesional Universiti.

ii. Bantuan Kewangan dari Sumber Lain

Staf berkenaan hendaklah melapor dan mendapatkan kelulusan Universiti sekiranya mendapat elaun dan/atau bantuan kewangan dari sumber lain. Dalam hal ini, kelulusan adalah tertakluk sepenuhnya kepada Peraturan Am Kerajaan serta budibicara Universiti. Universiti juga boleh menggunakan budibicaranya untuk mengekalkan atau mengurangkan emolumen atau/dan elaun yang diperuntukkan kepada staf yang menjalani Latihan Pasca Kedoktoran.

iii. Kelayakan Cuti

Bagi staf yang menjalani Latihan Pasca Doktorat selama 12 bulan, semua Cuti Rehat yang staf layak perolehi sehingga tarikh menjalani Program Pasca Kedoktoran adalah tidak luput. Bagaimanapun, bagi

pegawai yang diluluskan Latihan Pasca Doktorat melebihi 12 bulan, semua cuti rehat yang pegawai berkecualan sebelum tarikh Latihan Pasca Doktorat tersebut adalah luput. Walau bagaimanapun, pegawai boleh diberi kemudahan Cuti Rehat Selepas Berkursus Lebih 12 Bulan tertakluk kepada had sehingga 7 hari sekiranya pegawai masih mempunyai baki Cuti Rehat sebelum tarikh kuat kuasa Latihan Pasca Doktorat. Cuti Rehat ini tidak perlu ditolak dari Cuti Rehat yang pegawai akan berkecualan setelah pegawai berkhidmat semula, tertakluk kepada Peraturan Cuti yang ditetapkan dalam Perintah Am kerajaan.

iv. Komitmen Staf Menyempurnakan Latihan Pasca Kedoktoran

- a. Staf hendaklah menumpukan sepenuh usaha dan perhatian kepada aktiviti/program Latihan Pasca Kedoktoran yang diluluskan.
- b. Staf hendaklah menjalani Latihan Pasca Kedoktoran sepertimana yang disyaratkan oleh institusi di mana Latihan Pasca Kedoktoran itu dijalankan.
- c. Sebarang harta intelek yang dihasilkan oleh staf semasa latihan Latihan Pasca Kedoktoran dan diiktiraf sebagai pemilik bersama oleh institusi tempat latihan mesti difailkan dengan nama Universiti.
- d. Sebarang penerbitan yang dihasilkan oleh staf semasa latihan Latihan Pasca Kedoktoran mesti memasukkan nama Universiti.
- e. Staf dikehendaki kembali bertugas di Universiti sebaik sahaja menyempurnakan Latihan Pasca Kedoktoran.

v. Laporan Kemajuan, Laporan Prestasi Tahunan, Laporan Akhir Latihan Pasca Kedoktoran dan Sijil Tamat Latihan

- a. Laporan kemajuan Latihan Pasca Kedoktoran hendaklah dikemukakan melalui penyelia kepada Dekan Fakulti /Dekan *Research Alliance*/Pengarah Pusat Kecemerlangan oleh staf setiap enam (6) bulan dari tarikh memulakan Latihan Pasca Kedoktoran.
- b. Staf hendaklah mengemukakan Laporan Prestasi Tahunan bagi Latihan Pasca Kedoktoran yang telah disahkan oleh penyelia kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan masing-masing bagi tujuan

penilaian prestasi tahunan sebelum atau pada 31 Disember pada tahun yang dinilai.

- c. Staf yang gagal mengemukakan laporan sedemikian dalam tempoh yang ditetapkan akan hilang kelayakan untuk memohon lain-lain latihan jangka panjang di masa hadapan dan tindakan tatatertib boleh diambil terhadapnya oleh Universiti.
- d. Staf dikehendaki mengemukakan semua laporan mengikut format yang ditetapkan oleh Universiti seperti dalam Lampiran 2.
- e. Laporan Akhir Latihan Pasca Kedoktoran yang telah disahkan oleh penyelia dan sebarang hasil dari Latihan Pasca Kedoktoran hendaklah dikemukakan kepada UTMLead melalui Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan dalam tempoh sebulan (1) setelah tamat tempoh program.
- f. Pihak Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan akan memperakukan laporan akhir Latihan Pasca Kedoktoran berdasarkan KPI yang telah ditetapkan dan mengemukakan kepada pihak UTMLead.
- g. Staf perlu mengemukakan sijil/surat tamat menjalani Latihan Pasca Kedoktoran dari institusi tempat menjalani latihan dalam tempoh sebulan (1) setelah tamat tempoh program.
- h. Staf juga hendaklah membentangkan laporan akhir Latihan Pasca Kedoktoran dalam sekurang-kurangnya satu kolokium peringkat Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan.
- i. Laporan Akhir Pasca Kedoktoran dan apa saja hasil Latihan Pasca Kedoktoran yang diserahkan kepada Universiti adalah menjadi hak Universiti dan atas kebenaran Universiti ianya boleh digunakan sebagai bahan bacaan atau rujukan umum.

vi. Penilaian Prestasi Tahunan Staf Semasa Latihan Pasca Kedoktoran

Penilaian Prestasi Tahunan staf yang menjalani Latihan Pasca Kedoktoran akan dilakukan oleh Dekan Fakulti /Dekan *Research Alliance*/Pengarah Pusat Kecemerlangan atau wakilnya berdasarkan Laporan Akhir Tahun/Laporan Akhir bagi Latihan Pasca Kedoktoran

dan penilaian oleh penyelia (Lampiran 2) jika staf menjalani Latihan Pasca Kedoktoran melebihi 6 bulan pada tahun yang dinilai.

Bagaimanapun, bagi staf yang menjalani Latihan Pasca Kedoktoran genap atau kurang dari 6 bulan pada tahun yang dinilai, penilaian akan dilakukan oleh Dekan Fakulti /Dekan *Research Alliance*/Pengarah Pusat Kecemerlangan atau wakilnya menggunakan e-LPPT dengan pertimbangan khas berdasarkan Laporan Akhir Tahun bagi Latihan Pasca Kedoktoran dan penilaian oleh penyelia (Lampiran 2) yang di kemukakan oleh staf.

vii. Bekerja atau Menjalani Aktiviti Lain Untuk Keuntungan

Staf semasa menjalani Latihan Pasca Kedoktoran dilarang menjalankan sebarang pekerjaan atau apa-apa aktiviti untuk keuntungan dari pihak atau sumber lain tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Universiti.

viii. Program atau Kursus Selain daripada Latihan Pasca Kedoktoran

Staf yang ingin mengikuti apa-apa program atau kursus lain selain daripada Latihan Pasca Kedoktoran perlu memaklumkan secara bertulis kepada Universiti dan mendapat kelulusan Universiti.

ix. Laporan Diri

Staf dikehendaki mengisi Borang Laporan Diri di Fakulti/*Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan sebaik sahaja tamat menjalani program Latihan Pasca Kedoktoran.

ix. Tatakelakuan

- a. Sepanjang tempoh Latihan Pasca Kedoktoran staf adalah di bawah kawalan dan tertakluk kepada akta, kaedah dan peraturan tatatertib yang berkuatkuasa di Universiti dan hendaklah berkelakuan selaras dengan tanggungjawabnya terhadap Universiti.
- b. Staf adalah tertakluk kepada dan dikehendaki mematuhi apa-apa peraturan yang diterimapakai oleh Universiti dari semasa ke semasa.

14. Perjanjian dan Kontrak Perkhidmatan

Staf yang diluluskan Pasca Kedoktoran dikehendaki menandatangani perjanjian dan kontrak perkhidmatan dengan Universiti bergantung kepada tempoh pengajian yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti dan penaja luar selama:

- a. Dua puluh empat (24) bulan dari tarikh melapor diri di Universiti bagi staf yang diluluskan Pasca Kedoktoran selama dua belas (12) bulan atau kurang; atau
- b. Empat puluh lapan (48) bulan dari tarikh melapor diri di Universiti bagi staf yang diluluskan Pasca Kedoktoran melebihi dua belas bulan (12) tetapi kurang dari dua puluh empat (24) bulan.

15. Pemantauan Latihan Pasca Kedoktoran

15.1 Dekan Fakulti /Dekan *Research Alliance*/Pengarah Pusat Kecemerlangan adalah bertanggungjawab memantau kemajuan prestasi staf yang menjalani Latihan Pasca Kedoktoran.

15.2 Laporan Kemajuan Latihan Pasca Kedoktoran hendaklah dikemukakan melalui penyelia kepada Dekan Fakulti /Dekan *Research Alliance*/Pengarah Pusat Kecemerlangan secara berkala iaitu setiap 6 bulan.

15.3. Laporan kemajuan dan Laporan Prestasi Tahunan/Laporan Akhir Latihan Pasca Kedoktoran akan digunakan oleh Fakulti/ *Research Alliance*/Pusat Kecemerlangan untuk tujuan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan akan dinilai tertakluk kepada kaedah, peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.

16. Penamatan Latihan Pasca Kedoktoran

Universiti berhak untuk memendekkan tempoh atau menamatkan atau membatalkan kelulusan Latihan Pasca Kedoktoran staf pada bila-bila masa yang dirasakan wajar dan munasabah.

Dalam apa juga keadaan, Universiti boleh mengeluarkan notis pemendekan, penamatan atau pembatalan Latihan Pasca Kedoktoran kepada staf dalam tempoh masa yang munasabah.

17. Tindakan Ke Atas Staf Yang Gagal Mematuhi Peraturan dan Mencapai KPI

17.1 Seseorang Staf yang menjalani Latihan Pasca Kedoktoran dikira gagal mematuhi peraturan Latihan Pasca Kedoktoran sekiranya beliau melakukan salah satu atau gabungan yang berikut:

- i. Tidak menunjukkan usaha bersungguh-sungguh melaksanakan segala perancangan aktiviti/program yang diluluskan oleh Universiti;
- ii. Tidak mengemukakan laporan Latihan Pasca Kedoktoran seperti yang ditetapkan dalam perkara 13 (v);
- iii. Tidak mencapai KPI yang ditetapkan seperti dinyatakan dalam surat kelulusan;
- iv. Ditamatkan tempoh Latihan Pasca Kedoktoran oleh Universiti atas tindakan disiplin atau melanggar etika peribadi dan/atau etika akademik;

17.2 Perlanggaran Peraturan

Universiti berhak mengenakan tindakan ke atas staf yang gagal/melanggar mana-mana atau keseluruhan peraturan Latihan Pasca Kedoktoran, berdasarkan peraturan dan prosedur sedia ada.

18. Peruntukan Khas

Walau apa pun perbekalan/perenggan, dalam Peraturan Latihan Pasca Kedoktoran ini, Universiti berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan staf adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/atau tambahan-tambahan tersebut.

LAMPIRAN 1 : PANDUAN PENILAIAN LATIHAN PASCA KEDOKTORAN

Laporan	Markah
Laporan Pasca Kedokteran	20
Penilaian dari Penyelia	50

KPI	Markah
Book Chapter	10
Conference Paper	10
Q3/Q4	20
Q1/Q2	30
Patent Filed	30
Copyright	5
Co-Branding/ Networking Activities	5

APPENDIX 2



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

CENTRE FOR ACADEMIC LEADERSHIP & PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CALPD)

UTMLead

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PARTI-YEARLY PERFORMANCE/FINAL REPORT **(TO BE COMPLETED BY POST-DOCTORAL SCHOLAR)

Name of Postdoctoral Scholar:

Faculty:

--

--

Place & Address of Postdoctoral Program:

--

Length of Postdoctoral Program:

Start Date:

End date:

--	--	--

Signature:

Date:

--	--

Title:

Research Outline:

Research Activities:

Other activities (Networking, Co branding, MOU, MOA):

Research Output (Papers/Research Book/Book Chapters Published, Paper Presented, Intellectual Property, etc)

PART B – YEARLY PERFORMANCE/FINAL EVALUATION**

(TO BE COMPLETED BY SUPERVISOR)

Please evaluate the postdoctoral scholar's performance (please tick) and use the comment section to provide details if applicable.

Performance Factors	MEETS EXPECTATION				COMMENTS/ SUGGESTIONS
	Unsatisfactory	Successful		Exceptional	
		Satisfactory	Good		
Commitment Dedicated in pursuing research work. Ability to contribute, develop and/or carry out ideas or methods.					
Integrity Performs task with intellectual honesty.					
Interest / Discipline Adheres to rules and regulations.					
Work Quality and Efficiency Produces good work within specified time and meets the requirements, expectations/desired outcomes.					
Ability To Work Independently Does not depend on supervisor or others to perform tasks. Ability to be a self-starter and anticipate needs.					
Attendance Attend research activities/supervision as required.					

Overall Perspective Able to view issues from broader perspective.					
Total Score on Post-Doctoral Scholar's Performance					

Grading the Overall Performance

From the above assessment, I am recommending the overall performance of the Postdoctoral scholar as below.

Unsatisfactory	Successful		Exceptional
	Satisfactory	Good	

Comments/Recommendations

.....

Name of Supervisor:.....

Designation:.....

Signature:.....

Date:.....

PART C – FACULTY’S ENDORSEMENT

Agree/Disagree with the above assessment.

Comments

.....
.....
.....

Name:.....

Designation:.....

Signature:.....

Date:.....

This report is strictly **CONFIDENTIAL**. Please submit directly to the address below

**CENTRE OF ACADEMIC LEADERSHIP & PROFESSIONAL DEVELOPMENT
UTMLead, Block F54, SPS Building
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM JOHOR BAHRU
MALAYSIA**

**

- I. For the purpose of Postdoctoral scholar’s year end evaluation, please submit before/by 31st December of the current year of assessment.

- II. For the purpose of postdoc’s final evaluation at the end of the postdoctoral program, please submit within one month from the date of completion of the postdoctoral program.